



Kelab Sukan dan Kebajikan
Kedutaan Besar Malaysia (KESUMA)
D/A : Jl. H. R. Rasuna Said Kav. X/6 No. 1-3
Kuningan, Jakarta Selatan, 12950
Republik Indonesia.

Website : www.kesuma.com.my
Email : kesuma@yahoo.com

Rujukan : TP/01/2019/(001)
Tarikh : 12 Mei 2020

Puan Jade Hwang
Presiden
Malaysia Chambers Jakarta (MCJ)

Puan,

SUMBANGAN PRIHATIN UNTUK PELAJAR MALAYSIA DI JAKARTA

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana puan sedia maklum, pada masa ini daerah Jakarta adalah "epicentre" wabak Covid-19 di Indonesia. Wabak ini telah menyebabkan kesan yang mendalam kepada urusan seharian rakyat Malaysia dan pelajar Malaysia. Golongan pelajar yang paling terjejas akibat wabak ini adalah pelajar Malaysia yang masih berada di daerah Jakarta dan di pinggir daerah ini.
3. Sehubungan dengan itu, Kelab Sukan dan Kebajikan Kedutaan Besar Malaysia (KESUMA) telah mengadakan perbincangan dan memutuskan untuk mengadakan usaha bagi mengumpulkan bahan-bahan makanan dan wang tunai untuk disumbangkan kepada pelajar Malaysia dengan tujuan meringankan beban mereka.
4. Pada masa ini, terdapat hampir 112 orang pelajar Malaysia yang masih berada di daerah Jakarta, Bogor dan Bandung. Di dalam hal ini, Kedutaan ingin memohon kerjasama sekiranya pihak MCJ ingin mengambil bahagian dalam usaha ini dan juga untuk MCJ memanjangkan permohonan KESUMA kepada syarikat-syarikat Malaysia yang berminat untuk memberikan sumbangan kepada para pelajar Malaysia di kawasan yang dimaksudkan.
5. Bersama-sama ini disertakan Borang Maklumbalas Sumbangan untuk perhatian puan dan tindakan sewajarnya. Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Encik Har Man Ahmad, Pengerusi Jawatankuasa Informasi dan Publisiti KESUMA.

6. Kerjasama dan keprihatinan puan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Saya yang menjalankan amanah,



(LT. KOL ROSMAL ABD MALEK)
Timbalan Presiden KESUMA

- Salinan Kepada : 1. TYT Datuk Zainal Abidin Bakar
Duta Besar Malaysia ke Republik Indonesia
Merangkap Penaung KESUMA
2. Encik Zamshari Shaharan
Presiden KESUMA
3. Encik Mohd Hail Aniff Mohd Fauzi
Ketua Canseri



BORANG MAKLUMBALAS SUMBANGAN

Kelab Sukan dan Kebajikan Kedutaan Besar Malaysia (KESUMA)

D/A : Kedutaan Besar Malaysia

Jl. H. R. Rasuna Said Kav. X/6 No. 1-3

Kuningan, Jakarta Selatan, 12950, Indonesia.

(Perhatian: Encik Har Man Ahmad, Setiausaha KESUMA)

MAKLUMBALAS SUMBANGAN PRIHATIN UNTUK PELAJAR MALAYSIA DI JAKARTA

A. Berikut adalah senarai sumbangan dalam bentuk barangan

Bil.	Sumbangan	Jumlah
1.		
2.		

B. Bersama-sama dengan ini disertakan sumbangan berjumlah Rp _____ bagi Sumbangan Prihatin Untuk Pelajar Malaysia di Jakarta.

1. Melalui Cek / Bank Deraf / Tunai.
2. Melalui *telegraphic transfer* :

Maklumat Bank KESUMA

- Nama Akaun** : Kelab Sukan dan Kebajikan Kedutaan Besar Malaysia (KESUMA)
- Nama Bank** : Maybank Syariah Indonesia
- Nombor Akaun** : 000-10-0000127-8
- Alamat Bank** : PT Bank Maybank Syariah Indonesia
Sona Topas Tower, Lantai 1-3
Jl. Jend. Sudirman Kav. 26, Jakarta, 12950.
- SWIFT Code** : MBBEIDJA
- Telex** : 60400 MBBI IA

3. Sila emelkan *transaction details* untuk sumbangan yang dibuat melalui *telegraphic transfer*.

Yang benar,

Nama :
Jawatan :
Tarikh :
Cop :